


Sinopsis: Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Acuan Malaysia



[Experts](#)

Alat Analisis Peradaban Acuan Malaysia: Sejarah, Struktur Sosial dan Biografi

30 October 2025

Gagasan Malaysia *The Way Forward* atau *Wawasan 2020* yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menjadi panduan utama dalam usaha membina negara bangsa moden. Dalam gagasan itu, beliau menegaskan bahawa Malaysia mesti menjadi negara maju mengikut acuan

sendiri. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin kemudian mempersoalkan maksud dan pelaksanaan 'acuan sendiri' yang disebut itu.

Bagi menjawab persoalan ini, beliau memperkenalkan alat analisis peradaban acuan Malaysia yang terdiri daripada tiga dimensi utama, iaitu sejarah, struktur sosial, dan biografi. Pendekatan ini digunakan dalam Mata Pelajar Umum (MPU) Penghayatan Etika dan Peradaban untuk membantu pelajar memahami pembangunan Malaysia daripada sudut kemanusiaan, bukan sekadar ekonomi.

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban

Topik I

Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Acuan Malaysia



1. Sejarah: Prakolonial, Kolonial dan Pascakolonial

Dimensi sejarah membolehkan kita rakyat Malaysia memahami akar pembentukan peradaban Malaysia melalui tiga peringkat utama: prakolonial, kolonial, dan pascakolonial.

Pada zaman prakolonial, Tanah Melayu merupakan pusat perdagangan dan tamadun maritim yang terbuka serta berinteraksi dengan dunia luar. Kerajaan seperti Srivijaya, Kedah Tua dan Melaka menjadi bukti kebolehan tempatan membina sistem pemerintahan, ekonomi dan budaya tersendiri berasaskan Islam dan adat. Hubungan dengan dunia luar memperkaya budaya tempatan tanpa menghilangkan jati diri.

Zaman kolonial membawa perubahan besar terhadap struktur politik dan ekonomi. Kuasa Portugis, Belanda dan British memperkenalkan sistem pentadbiran moden serta ekonomi kapitalis. Namun, ia juga memecahkan masyarakat mengikut kaum dan fungsi ekonomi. Melayu tertumpu kepada pertanian, Cina kepada perlombongan dan perniagaan, manakala India kepada perladangan. Penjajahan menimbulkan jurang sosial, tetapi dalam masa yang sama menyalakan semangat nasionalisme untuk menuntut kemerdekaan.

Selepas merdeka, zaman pascakolonial menuntut pembinaan semula identiti kebangsaan yang berasaskan pengalaman sejarah sendiri. Malaysia berusaha mengimbangi warisan tradisi dengan keperluan moden. Peradaban Malaysia tidak menolak kemajuan, tetapi menegaskannya dalam acuan nilai dan budaya tempatan. Sejarah menjadi asas memahami arah pembinaan negara bangsa

yang mempunyai jiwa.

2. Struktur Sosial: Negara, Pasaran dan Masyarakat

Dimensi kedua ialah struktur sosial, yang melihat bagaimana Malaysia disusun melalui tiga unsur utama: negara, pasaran, dan masyarakat.

Negara memainkan peranan sebagai pengatur dan penjaga keseimbangan sosial. Dalam acuan Malaysia, negara tidak hanya berfungsi mentadbir, tetapi juga memastikan keadilan sosial dan perpaduan nasional. Dasar-dasar seperti Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) menggambarkan usaha negara menyeimbangkan kepentingan ekonomi dan keharmonian etnik.

Pasaran pula menggambarkan ruang ekonomi tempat masyarakat berinteraksi dan bersaing. Malaysia bergerak daripada ekonomi agraria kepada industri dan kini digital. Namun, pasaran di Malaysia tidak bebas daripada nilai. Etika perniagaan Islam, semangat keusahawanan dan tanggungjawab sosial menonjolkan bahawa ekonomi mesti berpaksikan nilai kemanusiaan. Pasaran yang berasaskan moral menjamin keseimbangan antara keuntungan dan keadilan sosial.

Masyarakat pula ialah asas peradaban. Malaysia dikenali sebagai masyarakat majmuk yang hidup bersama dalam kepelbagaian agama, budaya dan bahasa. Prinsip tolak ansur, gotong-royong dan saling menghormati menjadi nilai teras yang mengekalkan kestabilan sosial. Dalam pandangan Shamsul Amri, struktur sosial yang sihat memerlukan ketiga-tiga unsur ini bergerak seimbang. Jika negara terlalu dominan, rakyat hilang kebebasan. Jika pasaran terlalu bebas, keadilan terancam. Jika masyarakat lemah, perpaduan akan rapuh.

3. Biografi: Individu, Keluarga dan Komuniti

Dimensi ketiga ialah biografi, iaitu aspek kemanusiaan dalam peradaban. Ia melihat bagaimana individu, keluarga dan komuniti membentuk nilai yang menjadi asas kepada pembangunan negara.

Individu ialah pelaku utama sejarah dan pembawa nilai. Malaysia memerlukan insan berilmu, beriman dan beretika untuk menggerakkan pembangunan. Dalam acuan Malaysia, kemajuan tidak diukur dengan kekayaan semata-mata, tetapi dengan keutuhan moral dan tanggungjawab sosial.

Keluarga pula menjadi tempat pembentukan nilai dan akhlak. Dalam masyarakat Malaysia, keluarga masih dianggap institusi penting yang mengekalkan tradisi dan keperibadian bangsa. Namun, pengaruh moden menimbulkan cabaran seperti tekanan ekonomi, individualisme dan kelonggaran nilai kekeluargaan. Oleh itu, keluarga mesti diperkukuh sebagai asas ketahanan sosial.

Komuniti pula melambangkan semangat kebersamaan yang menjadi tunjang kehidupan rakyat. Gotong-royong, kerja sukarela dan kepedulian terhadap jiran mencerminkan kekuatan sosial masyarakat Malaysia. Komuniti menjadi jambatan antara individu dan negara, memastikan nilai kemanusiaan terus subur dalam pembangunan.

4. Menyambung Gagasan 'Malaysia Maju Acuan Sendiri'

Jika Wawasan 2020 menekankan cita-cita menjadikan Malaysia negara maju, alat analisis Shamsul Amri menjelaskan bagaimana acuan itu boleh difahami dan dilaksanakan. Acuan sendiri tidak sekadar bermaksud cara tempatan mencapai kemajuan, tetapi juga pandangan hidup yang berpaksikan sejarah, struktur sosial dan pengalaman manusia.

Dengan menggunakan tiga alat analisis ini, pembangunan dapat difahami sebagai proses yang menyeluruh; bukan hanya ekonomi dan teknologi, tetapi juga nilai, identiti dan kemanusiaan. Ia membantu menjawab persoalan utama: bagaimana menjadi negara maju tanpa kehilangan jiwa?

Kesimpulan

Alat analisis peradaban acuan Malaysia yang diperkenalkan oleh Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin menjadi panduan penting untuk memahami Malaysia dalam kerangka sendiri. Ia menegaskan bahawa kemajuan tidak boleh dipisahkan daripada akar sejarah, susunan sosial dan pengalaman manusia.

Jika *Malaysia The Way Forward* memberi arah kepada pembangunan fizikal dan ekonomi, alat analisis ini memberi jiwa kepada proses itu. Ia menuntut keseimbangan antara akal dan nilai, antara kemajuan dan kemanusiaan.

Hanya dengan memahami sejarah, menata struktur sosial secara adil dan membina biografi masyarakat berjiwa, barulah Malaysia benar-benar dapat maju dalam acuan sendiri seperti yang diimpikan dalam Wawasan 2020 dan ditafsir secara mendalam melalui pemikiran Shamsul Amri.



Oleh: Ahmad Ibrahim

E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

• 704 views

[View PDF](#)